



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 13 MEI 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **58 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **5,281 kes** (77.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 13 Mei 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **37 kes**, baharu yang telah dilaporkan, **di mana 21 kes adalah di kalangan bukan warganegara Malaysia**. Ingin dimaklumkan juga, bahawa daripada 37 kes baharu yang dilaporkan hari ini, terdapat **empat (4) kes import** dan 33 kes penularan tempatan.

Oleh itu, jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **6,779 kes** dan jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah **1,387 kes**.

Sehingga kini, seramai **16 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU)**. Daripada jumlah tersebut, empat (4) kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan


bahawa terdapat penambahan **dua (2)** lagi kes kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **111** kes (1.64 peratus daripada jumlah keseluruhan kes):

- Kes kematian ke-110 (kes ke-6743) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 30 tahun yang ditemui mati di Rompin, Pahang. Keputusan ujian sampel COVID-19 yang diambil semasa bedah siasat didapati positif pada 12 Mei 2020. Kes ini di bawah siasatan pihak Polis Diraja Malaysia dan Pejabat Kesihatan Rompin. Punca jangkitan belum dikenalpasti dan masih di dalam siasatan.
- Kes kematian ke-111 (kes ke-5195) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 90 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit darah tinggi dan penyakit kronik pernafasan. Beliau telah dirawat di Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Johor pada 16 April 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 13 Mei 2020 jam 10.36 pagi.

KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mereka.

PENCAPAIAN MALAYSIA MELANDAikan LENGKUNG (FLATTENED THE CURVE)

Sejak dari awal wabak COVID-19, KKM telah memaklumkan kepada umum mengenai jumlah kes harian, jumlah kes kumulatif dan juga kes aktif. Jika dilihat pada kes kumulatif (garisan hijau), sememangnya jumlah kes kumulatif semakin meningkat namun kadar kenaikan didapati semakin perlahan. Ini memandangkan jumlah kes harian (garisan biru) juga adalah semakin berkurangan. Ini menjadikan jumlah kes aktif semakin menurun (garisan jingga), sekaligus menunjukkan bahawa tindakan yang diambil setakat ini telah berhasil dalam melandaikan lengkung (*flattened the curve*).




Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah berkuatkuasa sejak 18 Mac 2020 dan dilanjutkan sebagai PKP 1, 2, 3, 4 dan seterusnya Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) telah membantu memberi ruang bagi pihak Kerajaan dalam pelaksanaan pelbagai aktiviti dan tindakan Kesihatan Awam untuk membendung penularan COVID-19. Antara tindakan yang telah dilaksanakan adalah pengawalan pintu keluar masuk antarabangsa, penyaringan dan persampelan individu yang berkecenderungan, pengesanan kes secara aktif (*Active Case Detection*) dan juga pendekatan tertumpu (*targeted approach*) bagi kumpulan yang dikenalpasti sebagai berisiko tinggi.

PEMODELAN DAN RAMALAN OLEH INSTITUT KESIHATAN NEGARA (NIH), KKM

Keberkesanan pendekatan oleh Kerajaan dapat dibuktikan apabila dikaji dengan menggunakan kaedah pemodelan dan ramalan yang telah dijalankan oleh Institut Kesihatan Negara (*National Health Institute*), Kementerian Kesihatan Malaysia, di mana PKP 1

sehingga PKP 4 telah berhasil dalam menurunkan kebolehhjangkitan COVID-19 di dalam negara.



Garisan hitam pada graf ini menunjukkan kes harian sebenar yang telah dilaporkan KKM, dan ianya didapati bertepatan dengan unjuran seperti di palang biru yang merupakan jangkaan kes harian oleh NIH KKM.

R_0 (R naught) adalah merujuk kepada kebolehhjangkitan sesuatu virus pada permulaan sesuatu wabak di dalam masyarakat, iaitu secara puratanya berapa ramai orang yang boleh dijangkiti oleh kes tersebut. Misalnya, jika nilai R adalah 4, ini bermakna bahawa setiap seorang kes positif boleh menyebarkan penyakit ini kepada 4 orang yang lain.

Nilai R boleh menurun sekiranya langkah-langkah pencegahan yang tepat dijalankan secara berterusan di dalam masyarakat. Begitu juga, nilai ini boleh meningkat semula sekiranya masyarakat leka dan langkah pencegahan tidak diendahkan. Menurunkan nilai R ke kurang daripada 1 secara berterusan, akan membantu mengakhiri sesuatu wabak.

Jika dilihat semula pada graf pemodelan dan ramalan KKM ini, nilai R_0 (*R naught*) pada permulaan PKP (18 Mac 2020) adalah 3.5. Nilai R ini telah berjaya diturunkan sehingga 0.3, iaitu susulan impak positif tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan serta dibantu juga dengan pematuhan oleh Rakyat. Sekiranya semua pihak termasuk peniaga, majikan, pekerja dan juga masyarakat umum kekal patuh kepada PKPB dan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang ditetapkan Kerajaan. Nilai R ini akan terus menurun dan hasilnya wabak COVID-19 akan dapat ditamatkan.

Namun begitu, sekiranya masyarakat leka, tidak patuh dan engkar kepada SOP yang ditetapkan, nilai R akan meningkat semula, iaitu seperti yang dapat dilihat di garisan terputus berwarna merah. Ini akan mengakibatkan jumlah kes harian naik semula di dalam Negara (seperti di palang merah).

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

Susulan itu, bagi memastikan nilai R kekal kurang daripada satu (1), pemerksaan sosial (*social empowerment*) adalah amat penting di kalangan masyarakat. Semua peringkat dan lapisan masyarakat perlu mengambil tanggungjawab sosial (*social responsibility*) dan memainkan peranan masing-masing dalam membendung wabak COVID-19. Ianya boleh dilaksanakan dengan mengamalkan langkah-langkah pencegahan yang disarankan oleh KKM terutamanya, patuh kepada S.O.P iaitu:

- **S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah PKPB;
- **O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P:** Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

Peniaga, pengusaha dan majikan juga perlu patuh kepada syarat-syarat dan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Perhimpunan ramai dan segala aktiviti yang mendedahkan orang awam kepada risiko jangkitan COVID-19 adalah masih tidak dibenarkan.

KKM juga ingin menasihatkan orang ramai supaya ingat kepada 3C dan 3W iaitu:

- Elakkan 3C: iaitu kawasan yang sesak (***Crowded place***), kawasan yang sempit (***Confined space***), bertutur dengan jarak yang dekat (***Close conversation***).
- Amalkan 3W: iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), digalakkan memakai alat penutup hidung dan mulut (***face mask***) di tempat awam atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elak bersalam / bersentuhan
 - Amalkan etika batuk dan bersin
 - Lakukan disinfeksi
 - Duduk di rumah
 - Dapatkan rawatan jika bergejala

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

13 Mei 2020 @ 4.30 petang

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 13 MEI 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	18
KEDAH	0	95
PULAU PINANG	0	121
PERAK	0	255
SELANGOR	2	1,612
NEGERI SEMBILAN	22	764
MELAKA	2	213
JOHOR	0	667
PAHANG	3	315
TERENGGANU	0	110
KELANTAN	0	155
SABAH	2	330
SARAWAK	1 (1)	544
W.P. KUALA LUMPUR	5 (3)	1,475
W.P. PUTRAJAYA	0	89
W.P. LABUAN	0	16
JUMLAH KESELURUHAN	37 (4)	6,779

*() adalah merujuk kepada kes-kes import